

**PERSEPSI DAN PANDANGAN JURUUKUR BAHAN  
TERHADAP PENUBUHAN  
NATIONAL CONSTRUCTION COST CENTRE**

**NURUL HAYANI BINTI ABU SIROH**

Penulisan laporan adalah untuk  
memenuhi keperluan bagi penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2009

## ABSTRAK

Industri Pembinaan merupakan sebuah industri yang unik. Ini kerana, setiap projek yang dijalankan akan melibatkan individu daripada organisasi yang berbeza-beza dan pada masa yang sama menghasilkan pelbagai data serta maklumat baru seperti data kos. Oleh itu, pihak CIDB telah mendapat satu inisiatif baru dengan mewujudkan National Construction Cost Centre bagi mengumpul dan menganalisis maklumat berkenaan data kos pembinaan supaya dapat digunakan semula oleh semua peserta industri pembinaan. Masalah yang dihadapi oleh NCCC pada ketika ini adalah berkenaan jenis perkhidmatan yang diinginkan serta kesanggupan pihak pengguna antaranya juruukur bahan bagi tujuan perkongsian data kos pembinaan. Oleh itu, objektif penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti persepsi dan pandangan juruukur bahan terhadap penubuhan NCCC. Bagi menjayakan penyelidikan ini, kaedah kaji selidik dengan menggunakan borang soal selidik telah dijalankan. Borang tersebut telah diedarkan kepada 70 responden, hanya 36 responden sahaja yang mana terdiri daripada juruukur bahan yang berkhidmat di firma ukur bahan di Johor telah memberikan maklumbalas terhadap soalan yang dikemukakan. Menurut responden, data kos yang perlu dimuatkan di dalam NCCC adalah analisis kos elemen (ECA), kos merancang (cost plan), jadual kadar harga oleh CIDB dan data kos bagi pembangunan mampan dan 'green building'. Mereka juga berharap agar perkhidmatan yang ditawarkan berupaya mempercepatkan proses penganggaran kos. Selain itu, perisian pengurusan projek merupakan perisian yang paling ideal untuk dimuatkan didalam NCCC. Manakala dari aspek kriteria, portal NCCC mestilah berupaya memproses maklumat dengan kelajuan yang tinggi dan konsisten disamping data kos yang dibekalkan terbukti kesahihannya. Tambahan lagi, majoriti juruukur bahan memberikan pandangan positif terhadap perkongsian data kos. Selain itu, mereka turut menyuarakan kesanggupan untuk membayar yuran keahlian tahunan NCCC dalam lingkungan RM 50.00 dan ke bawah.

## **ABSTRACT**

Construction industry is a unique industry because it is involving various parties in it. Furthermore, each project will produce new data and information such as cost data. Therefore, CIDB had come out with an initiative to establish 'National Construction Cost Centre' (NCCC) in order to collect and analyze the construction cost data to enable the construction industry players to reuse them. The problem being faced by the NCCC is on the services to be provided and the willingness to share the cost data among construction industry players. The objective of this study is to identify the perceptions and views of quantity surveyor towards the establishment of National Construction Cost Centre. In order to make this dissertation a success, the questionnaires form had been distributed to 70 respondent and only 36 respondents who work as quantity surveyors in Quantity Surveying Firm had replied to those questionnaires. From their views, the four most desired cost data are elemental cost analysis, cost plan, schedule of rates, and the cost incurred for sustainable or green building development. They hope that the services provided will reduce the time used in undertaking the estimating process. In addition, the most ideal construction software to be used in the future is project management software. Furthermore, the criteria that the NCCC team need is to ensure that the portal that will provide a high and consistent speed while processing the information needed and all the cost data provided are reliable. Other than that, majority of the respondents give positive comments towards the cost data sharing. They are willing to pay RM50.00 and below for NCCC membership fee.